

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT
@ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

**TARIKH : 11.6.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan harga pembelian semua kapal selam dan berapakah kos penyelenggaraan kapal selam tersebut setiap tahun dalam belanjawan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan membayar EURO 1.035 billion untuk pembelian 2 buah kapal selam baru. Kos ini meliputi harga pembinaan kapal selam, latihan warga kapal selam, bantuan logistik bersepadu dan alat ganti serta penyediaan kemudahan pelatih kapal selam dan tim projek.

Kedua-dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diselenggarakan di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) yang bernilai Euro 193 juta (perolehan terus dari Perancis) dan RM 532 juta (perolehan tempatan) untuk tempoh selama 6 tahun. Nilai kontrak ini merangkumi senggaraan ke atas kapal selam dan juga pembangunan infrastruktur, alat ganti dan pemindahan teknologi.